

SOALAN NO: 75

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD.
RAHMAN [TANJONG MANIS]
TARIKH :
SOALAN : 75

YB Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap keseriusan masalah diabetes di kalangan kanak-kanak di negara ini serta statistik sejak tiga tahun yang lalu hingga kini.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan laporan daripada Diabetes in Children and Adolescent Registry (DiCare) daripada 2006 – 2008, terdapat sebanyak 408 pesakit diabetes (jenis 1 dan 2) yang didaftarkan dengan umur di antara 2 minggu hingga 20 tahun (2nd Annual Report of the Diabetes in Children and Adolescents Registry (DiCare) 2006-2008).

Berdasarkan data kemasukan dan discaj ke hospital kerajaan dan swasta bagi kanak-kanak berumur 0-19 tahun akibat diabetes mellitus kedua-dua jenis iaitu Jenis 1 dan Jenis 2, terdapat peningkatan daripada jumlah kemasukan dan discaj pada tahun 2012 sehingga 2016 iaitu 777

kes kepada 1,139 kes di hospital kerajaan manakala bagi hospital swasta peningkatan 146 kepada 150.

Berdasarkan statistik ini, dapat disimpulkan penyakit diabetes di kalangan kanak-kanak meningkat. Penyakit diabetes di kalangan kanak-kanak majoritinya adalah Jenis 1 yang disebabkan oleh faktor genetik iaitu tiada insulin yang dihasilkan oleh badan. Namun, terdapat juga penyakit diabetes Jenis 2 dalam kalangan kanak-kanak disebabkan oleh amalan gaya hidup yang tidak sihat. Faktor ibubapa yang mempengaruhi corak pemakanan kanak-kanak semasa dalam kandungan, tidak menyusukan badan, memberikan makanan yang tinggi gula dan garam seterusnya menyebabkan kanak-kanak tersebut obes dan berisiko tinggi menghadapi diabetes Jenis 2.